

Inkubasi usahawan tani dedah teknik efektif perniagaan

KEUSAHAWANAN inovasi di universiti adalah satu nic yang unik dan tersendiri untuk membantu universiti menghasilkan produk berkualiti dan berimpak tinggi, kata Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi itu, institusi pengajian tinggi (IPT) mestilah mendukung dan memperteguhkan peranan, usaha dan sumbangan mereka khususnya dalam aspek inovasi dan keusahawanan kerana ia mempunyai kaitan kukuh.

"Keusahawanan adalah penggerak inovasi dan tanpa usahawan, hasil inovasi yang dicipta oleh universiti akan terus terpendam," katanya pada majlis perasmian program inkubasi usahawan tani Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Program Inkubasi Usahawan Tani ini, kata Mohamed Khaled, menepati kehendak dan hasrat kerajaan kerana hasilnya bukan sahaja dapat meningkatkan bilangan usahawan dalam bidang pertanian tetapi juga akan meneckankan kepada aspek kualiti usahawan yang bakal dilahirkan di kalangan siswazah berkaitan.

"Kesemua peserta bukan sahaja didedahkan dengan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan, tetapi juga akan diajar dengan pelbagai teknik perundingan perniagaan yang lebih berkesan serta bersesuaian dengan tuntutan dunia perniagaan sekarang," jelasnya.

Seterusnya, ujar beliau, program bersepudu yang menyatukan antara syarahan dan latihan amali, akan mempercepatkan proses melahirkan usahawan pertanian yang berjaya.



"Sebagai kesan jangka panjang, kita akan dapat melahirkan lebih ramai golongan tenaga kerja mahir dalam bidang usahawan pertanian yang mana secara langsung akan merubah bukan sahaja landskap pengeluaran makanan di negara ini, tetapi juga kaedah pemasaran hasil pertanian kepada masyarakat umum," katanya.

Mohamed Khaled menambah, golongan muda usahawan tani yang berjiwa besar dan bertentara adalah menjadi penggerak utama yang dapat meningkatkan pengeluaran makanan negara menerusi penggunaan teknologi pengeluaran terkini, dan seterusnya diharap dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap pengimportan makanan sekali gus memperkuuh keselamatan makanan negara daripada terjeas.